

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMBAHAN BIL. 1/2022

19 Julai 2022, MELAKA -

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kumbahan yang melibatkan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka (JASNM), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Indah Water Konsortium (IWK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Kawal Selia Air Negeri Melaka (BKSA)

Bil. 1/2022 telah diadakan pada hari ini bertempat di Loji Rawatan Serantau Tambak Laut IWK, Kota Laksamana, Melaka. Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka diwakili Tuan Pengarah dan Ketua Bahagian Operasi. Diharapkan sesi mesyuarat dan percambahan minda di kalangan Jabatan dan Agensi ini akan menjadikan pengurusan kumbahan di Negeri Melaka dijalankan secara lestari demi kesejahteraan rakyat.

Beberapa taklimat telah dibentangkan oleh agensi yang terlibat:

1. Taklimat "Status Pematuhan Sistem Pengolahan Kumbahan Bagi Negeri Melaka Bagi Tahun 2021 Bagi Tempoh 01 Januari 2021 Hingga 31 Disember 2021" oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka
2. Taklimat "Pengosongan Tangki Septik Berjadual (Scheduled Desludging) oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd Melaka
3. Taklimat "Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Efluen)" oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Wilayah Selatan

#KementerianAlamSekitarDanAir

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama